

Cadang kolaborasi awam, swasta bantu FELDA

Saya teringat suatu ketika dahulu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali FELDA, menjadi keluarga negara.

FELDA sebagai skim pemupatan semula yang direka khas bagi membantu membasmi kemiskinan serta meningkatkan prospek ekonomi terutamanya bagi golongan penduduk luar bandar Bumiputera, menghasilkan kejayaan demi kejayaan.

Namun, FELDA yang begitu gah suatu masa dahulu kini menjadi semakin terhimpit. Justeru, apabila terbaca laporan akhbar berhubung temu bual bersama bekas Pengurusi FELDA (2001-2010), Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, saya terpanggil untuk menyokong sentimen diketengahkan beliau.


Mohd Yusof berkata, apabila Felda Global Ventures Holdings Berhad atau kini dikenali FGV Holdings Berhad (FGV) dibentuk pada 2012 membabitkan keseluruhan FELDA, ia amat mengejutkan apabila FELDA tidak diwakili dengan baik meskipun berstatus pemegang saham ter-

besar FGV.
Malah bayaran yang sepatutnya dibayar FGV menerusi dividen dan lain-lain kepada FELDA adalah sangat kurang berbanding pendapatan FELDA di bawah struktur lama.

Di bawah struktur lama, FELDA mendapat dividen setiap tahun secara purata RM1 bilion hingga RM1.5 bilion. Apabila ditularkan FGV, pulangan FELDA hanya sekitar RM200 juta hingga RM300 juta sedangkan merlu perlukan RM1 bilion lebih untuk kos operasi.

Mohd Yusof menyayarkan agar kedua-dua FELDA dan FGV diharmonikan, di mana ada satu kadang yang diterima bersama oleh kedua-dua syarikat, tetapi harus diterjemahkan dengan tidak menjadikan peneroka sebagai mangsa. Beliau turut menyentuh pembentangan Kertas Putih FELDA di Parlimen pada April lalu, yang walaupun sesuatu yang baik, ia tidak memperincikan masalah dihadapi secara mendalam.

Beliau tidak menolak cadangan



Pelbagai pihak perlu membantu dalam pelan jangka panjang pemulihan

agar kerajaan membawa pihak lain membantu FELDA dan berpendapat pihak lain ini mestilah memahami budaya FELDA serta bersimpatis dengan peneroka.

Malah, Mohd Yusof percaya jika formula dibawa pihak lain ini dilaksanakan dengan baik, FELDA boleh pulih semula.

Sebagai rakyat yang prihatin dengan peneroka FELDA, saya amat bersetuju dengan pandangan diketengahkan bekas Pengurusi FELDA ini.

Saya surankan agar pihak luar atau pelabur baharu ini hendaklah mempunyai pengalaman di dalam industri perladangan dan mengamalkan penggunaan teknologi pintar pertanian agar dapat meningkatkan kecekapan serta pulangan.

Saya juga ingin mencadangkan agar diadakan kolaborasi sektor awam-swasta di mana terdapat rakan kongsi strategik yang mempunyai kapakaran serta kebolehan untuk membantu di dalam

pelan jangka panjang FELDA.

Apakah resolusi ini mestilah memikirkannya jangka panjang rusan ladang serta hidrokarbon?

Akhir kata, saya armen melihat kejayaan FELDA pada zaman kegemilangan.

**Yusouff Z Mohd Zamri,
FELDA Palong 2, Negeri Sembilan**